

**Kursus Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut  
(Australia dan New Zealand) 2010**



Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Awang Haji Abdul Azis bin Haji Nayan, Penolong Pengarah (Bahagian Biasiswa), Kementerian Pendidikan selaku Pengerusi Bersama.



Pengiran Abdul Haris bin Pengiran Haji Shabudin, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri selaku tetamu kehormat menyempurnakan pelancaran majlis.

Jabatan Penerangan melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan kerjasama Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan telah menganjurkan Kursus Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut (Australia dan New Zealand) 2010 bermula 25 hingga 28 Januari.

Kursus selama empat hari itu merupakan program tahunan, disertai oleh seramai 33 mahasiswa - 11 lelaki dan 22 perempuan yang mengikuti pengajian di peringkat universiti di Australia dan New Zealand yang sedang bercuti di tanah air.

Majlis Pelancarannya telah disempurnakan oleh Pengiran Abdul Haris bin Pengiran Haji Shabudin, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri selaku tetamu kehormat, yang antara lain menyentuh, para mahasiswa sebagai asset negara dan penyambung survival bangsa serta pemimpin di masa depan, perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan memiliki kemahiran-kemahiran yang relevan. Inilah peranan para mahasiswa untuk bersama-sama menentukan hala tuju negara agar mampu bersaing di pentas dunia yang penuh cabaran dan kompetitif.



Sebahagian daripada para peserta yang mengikuti Kursus Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut (Australia dan New Zealand) 2010.

Terdahulu majlis pagi itu dimulakan dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu 'Bendera Negara', diikuti bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai dan ucapan alu-aluan oleh Awang Haji Abdul Azis bin Haji Nayan, Penolong Pengarah (Bahagian Biasiswa), Kementerian Pendidikan selaku Pengerusi Bersama.

Sepanjang menghadiri kursus tersebut, para mahasiswa telah didedahkan dengan pelbagai maklumat dan topik melalui siri

ceramah. Antaranya 'Melayu Islam Beraja' oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; 'Wawasan Brunei 2035' oleh wakil Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi; 'Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP)' oleh wakil Kementerian Kewangan; 'Ke Arah Mencapai Sara Diri Beras Di Negara Brunei Darussalam' oleh wakil Jabatan Pertanian dan Agri Makanan di samping dibawa menyusur ke Daerah Temburong dan lawatan ke Pusat Da'wah Islamiah.

## *Sidang Redaksi*

### **Penasihat**

Dr Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

### **Ketua Pengarang**

Hajah Noorashidah Haji Aliomar  
Sastra Sarini Haji Julaini

### **Ahli Sidang Pengarang**

Noriah Haji Abdul Hamid  
Hajah Noorhijrah Haji Idris  
Hajah Zaianit Haji Noorkhan  
Aidah Hidop  
Hajah Apsah Haji Sahdan

### **Penyumbang Berita**

Ismalee Haji Abdul Rahman  
Hajah Norpisah Md Salleh  
Fa'ezah Hayati binti Haji Abd. Rahman  
Asnah Diwa  
Bahagian-bahagian  
Cawangan Daerah-daerah

### **Penyemak**

Hajah Norpisah Md Salleh

### **Penyelaras Online**

Haji Ariffin Mohd Noor

### **Fotografi**

Bahagian Fotografi  
&  
Audio Visual  
Bahagian Perhubungan Awam  
Bahagian Berita Inggeris  
&  
Media IT

### **Reka letak**

Hajah Apsah Haji Sahdan

# *Sekapur Sirih*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera*

**S**elamat Menyambut Tahun 2010 dan semoga tahun ini kita akan terus dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai terutamanya kepada 'stakeholders' jabatan. Pada setiap tahun semua bahagian dan unit Jabatan Penerangan bagi keempat-empat daerah telah membuat perancangan masing-masing mengenai projek-projek yang akan dapat dilaksanakan sepanjang tahun 2010 ini. Projek dan program yang memerlukan nilai tambah setentunya akan dikemaskinikan untuk disesuaikan dengan objektif, misi dan visi jabatan.

Tirai tahun 2010 dibuka dengan perlaksanaan Kursus Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut (Australia dan New Zealand). Projek tahunan anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama agensi kerajaan dan swasta yang lain bertujuan ke arah memberigakan maklumat terkini negara kepada para peserta yang sedang bercuti di tanah air. Ini yang dihasratkan oleh jabatan agar mereka mengetahui perkembangan terkini kerajaan dan negara.

Latihan kemahiran bagi pegawai dan kakitangan juga diteruskan melalui Kursus Induksi bagi mereka yang baru berkhidmat. Sesi ini diharapkan akan dapat memberikan sebanyak mungkin pengetahuan dan informasi mengenai fungsi dan tugas tempat mereka berkhidmat. Melaluinya juga diharapkan akan memudahkan lagi mereka yang baru berkhidmat menyesuaikan diri dan menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan dengan jujur, amanah dan penuh komitmen.

Pada tahun baru 2010 ini diharapkan semua aktiviti, program dan projek jabatan akan berjalan dengan lancar dan berjaya. Apa yang penting ialah kerjasama dan komitmen oleh semua pegawai dan kakitangan untuk sama-sama mengangkat projek, program dan aktiviti yang telah disusun dan dirancang.

Wasallam.

*DR. MUHAMMAD HADI BIN MUHAMMAD MELAYONG*  
Pengaroh Penerangan

## *Isi Kandungan*

- Kursus Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut (Australia dan New Zealand) 2010 **1**
- Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut (Australia dan New Zealand) 2010 **3**
- Kursus Induksi Pegawai/Kakitangan Baru Berkhidmat di Jabatan Penerangan **4-5**
- Mesyuarat JPAKK & JJK bil.1/2010 **6**
- Forum Pelancongan ASEAN (ATF) **6**
- MRO Bertugas **7**
- Majlis Doa Selamat Perpisahan **7**
- Kakitangan Baru Berkhidmat **7**
- Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2010 **8**
- Selamat Hari Lahir **8**

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548

Atau e-mel terus ke [wartapenerangan@gmail.com](mailto:wartapenerangan@gmail.com)

Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>  
E-mail: [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)  
Keluarnya setiap 2 kali seminggu (Rabu dan Sabtu)



## Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut (Australia dan New Zealand) 2010



Tetamu kehormat, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan menyampaikan ucapan.

Majlis Penutup telah diadakan pada hari terakhir kursus, 28 Januari di sebelah tengah hari. Tetamu kehormatnya ialah Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan yang juga berkesudian menyampaikan ucapan dan sijil penyertaan kepada para peserta. Ucapan wakil mahasiswa telah disampaikan oleh Awangku Mohd. Fakhruddin bin Pengiran Haji Ismail. Bacaan Doa Selamat telah mengakhiri majlis pada petang itu.

Kursus Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut (Australia dan New Zealand) 2010 diharap berjaya memenuhi objektifnya untuk menyampaikan maklumat terkini mengenai hal-ehwal semasa kerajaan dan negara; memupuk dan menanamkan semangat patriotik berteraskan falsafah 'Melayu Islam Beraja' dengan matlamat antara lain untuk para mahasiswa sentiasa waspada dengan ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam, memupuk semangat cintakan raja, bangsa, agama dan tanah air.



Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.



Antara tetamu yang hadir di Majlis Penutup Kursus Sivik Mahasiswa Negara Brunei Darussalam Seberang Laut (Australia dan New Zealand) 2010.



Penyampaian sijil kepada para peserta disempurnakan oleh tetamu kehormat, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan.



## **Kursus Induksi Pegawai/Kakitangan Baru Berkhidmat Di Jabatan Penerangan**

**B**ahagian Pengurusan dan Perkembangan Kapasiti telah menganjurkan Kursus Induksi bagi para pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan bermula pada 18 hingga 21 Januari.

Kursus selama empat hari itu menumpukan kumpulan sasaran para pegawai/kakitangan baru berkhidmat di jabatan, sama ada yang pernah berkhidmat di kementerian/jabatan kerajaan yang lain dan/atau yang baru berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Mereka terdiri daripada 27 orang pegawai/kakitangan dari keempat-empat daerah dan seorang merupakan peserta yang sedang menjalani latihan penempatan bekerja (attachment) di Bahagian Perhubungan Awam.

Di hari pertama, kursus dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, antara lain menyentuh agar setiap pegawai dan kakitangan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan jujur dan amanah serta penuh dedikasi, di samping mematuhi peraturan dan disiplin pejabat yang ditetapkan. Mereka juga harus berusaha menjadi contoh yang lebih baik kepada 'stakeholder' bagi meningkatkan lagi imej dan nama baik jabatan dalam mencapai misi dan visi Jabatan Penerangan.

Peserta kursus bergambar ramai bersama Pemangku Ketua Penerangan Daerah Belait, Awang Rafa'ee bin Yaakub.

Kursus Induksi telah mendedahkan para peserta pelbagai informasi dan maklumat mengenai Peraturan Am, aktadanundang-undangPerkhidmatan Awam melalui siri taklimat yang disampaikan oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan, di samping didedahkan mengenai struktur dan organisasi serta pentadbiran jabatan, bahagian-bahagian dan cawangan di Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Para peserta juga berkesempatan membuat lawatan ke cawangan jabatan Daerah Belait, Tutong dan Temburong dan menjalani praktikal 'Team Building' di Kuala Belalong.

Kursus tersebut diharapkan memenuhi objektifnya agar para pegawai/kakitangan kerajaan sentiasa jujur dan amanah serta bertanggungjawab melalui komitmen yang tinggi menjalankan tugas seharian di tempat kerja.



Peserta kursus serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan Daerah Temburong bergambar ramai bersama Ketua Penerangan Daerah Belait, Awang Haji Hassan bin Haji Ismail.



Peserta kursus bergambar ramai bersama Ketua Penerangan Daerah Tutong, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya.



**Aktiviti peserta di Temburong.....**





## Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan (JPAKK & JJK) Negara Brunei Darussalam Bil.1/2010

Pemesyuaratan yang pertama di tahun 2010 telah diadakan pada hari Isnin, 18 Januari bertempat di Pusat Pengajian Strategik dan Polisi, Jabatan Perdana Menteri, Gadong.

Hadir untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Abdul Haris bin Pengiran Haji Shahbudin, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan juga selaku Pengerusi JPAKK & JJK. Turut hadir di mesyuarat itu juga Yang Mulia Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad

Melayong yang juga menjadi Timbalan Pengerusi pada mesyuarat berkenaan.

Beberapa agenda telah dibincangkan bersama dalam mesyuarat tersebut termasuk membincangkan projek JPAKK & JJK sepanjang tahun 2010. Selain itu Pengerusi juga menyentuh dan mengingatkan lagi mengenai *Terms of Reference* (TOR) yang telah dibuat pada tahun 1997 sebagai rujukan dan amalan setiap pegawai Perhubungan Awam, antaranya

ialah meningkatkan imej dan sifat pemeduliaan kerajaan, menggalakkan ketulusan kementerian/jabatan dari segi matlamat, dasar, fungsi dan peraturan yang perlu diketahui oleh orang ramai, menilai layanan keberkesanan pemeduliaan dan sambutan ke atas perkara yang dibangkitkan di media dan juga mengemaskini serta mengukuhkan peranan perhubungan awam di kementerian/jabatan.

### Forum Pelancongan ASEAN (ATF)



Delegasi ASEAN bergambar ramai bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Forum Pelancongan ASEAN atau ASEAN Tourism Forum (ATF) adalah sebuah perjalanan pameran perdagangan yang berputar setiap tahun di antara negara-negara anggota ASEAN. Pada tahun ini Negara Brunei Darussalam telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah bagi mengungkap forum ini pada 21 hingga 28 Januari.

Majlis perasmian Forum Pelancongan ASEAN telah berlangsung pada 25 Januari di The Grand Hall, Empire Hotel and Country Club oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-

Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Sepanjang forum ini berlangsung, Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan membuka Pusat Media di Bangunan BRIDEX, Jerudong Park dengan kerjasama pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Ianya adalah bagi kemudahan para media dalam dan luar negeri untuk mencari maklumat yang mereka kehendaki sama ada berhubung kait dengan ATF atau mengenai Negara Brunei Darussalam.

Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah ATF 2010

bertemakan ASEAN-Nadi Hijau, 10 Destinasi dan Satu Visi Pemuliharaan (ASEAN-The Heart of Green, 10 Destinations and 1 Conservation Vision).

ATF 2010 menghimpunkan lebih seribu delegasi terdiri dari perwakilan sektor pelancongan dari rantau ASEAN dan rakan-rakan destinasi ASEAN seperti China, Jepun, India, Republik Korea serta media antarabangsa. ATF seterusnya akan berlangsung di Phnom Penh, Kemboja pada 15-21 Januari 2011.

## Pegawai Penghubung Media (MRO) yang bertugas pada bulan Januari

Pegawai Penghubung Media atau Media Relations Officer (MRO) adalah merupakan satu produk perkhidmatan Jabatan Penerangan yang bertugas mengawal selia, menyelaras serta memantau pergerakan media dalam acara-acara yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

MRO bertugas untuk memastikan liputan setiap majlis tertentu akan berjalan dengan teratur dan kemas serta mengikut peraturan dan ketetapan yang sedia ada. Ia juga memastikan setiap pengamal media mematuhi etika kewartawanan, baik dari segi berpakaian dan liputan.



Jadual dan gambar sumbangan:  
Bahagian Perkhidmatan Media.

12 Januari	Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah merasmikan Persidangan Belia Islam di Hotel Rizqun, The Mall Gadong.
14 Januari	- Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Sekolah Kadet Kem Sungai Akar. - Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Haji Abd. 'Azim merasmikan penutupan Persidangan Belia Islam di Hotel Rizqun, The Mall Gadong.
19 Januari	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Penyerahan Anak Kunci di Dewan Serbaguna Kampung Lumut, Seria.
25 Januari	- Majlis mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena lawatan Tuan Yang Terutama Mr. Dai Binggou (China) di Istana Nurul Iman. - Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke Perasmian ATF di Ball Room, Empire Hotel.
26 Januari	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Sekolah Al-Falaah.

### Kakitangan Baru Berkhidmat



Dayangku Nur Azhani @ Dayangku Mas Ayu  
binti Pengiran Dr. Hidop  
Jawatan: Penolong Kerani Sulit  
Tarikh melapor: 4 Januari 2010

### Ucapan Tahniah

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan mengucapkan Stahniah kepada Dayang Hajah Noor Alipah binti Haji Abdul Rahman, Pemangku Kerani Sulit sempena perkahwinan anak perempuan beliau, Dayang Noorsarana @ Sarina binti Ismail dengan pasangannya, Arwang Asmirolasmi bin Haji Mohamad pada 3 Januari.

Ucapan tahniah juga ditujukan kepada Arwang Lamit bin Matzin, Penolong Pegawai Kewangan sempena persandingan anak perempuan beliau, Dayang Majjedah Hafizah binti Arwang Lamit dengan pasangannya, Arwang Zul-Lani bin Arwang Akim pada 31 Januari.



## Pemenang Peraduan Fotografi Januari 2010



'Back Light' telah mendapat tempat pertama dalam Kategori Kakitangan oleh Awang Samle bin Haji Jait.

Peraduan Fotografi anjuran Bahagian Fotografi dan Audio Visual telah mengumumkan pemenang bagi Kategori Jurugambar dan Kategori Kakitangan jabatan bagi bulan Januari yang penyertaannya diterima sehingga 15 Februari.

Dengan tema 'Hitam dan Merah', Kategori Jurugambar telah dimenangi oleh Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah melalui gambar 'Kawan Rapat', manakala Awang Samle bin Haji Jait telah menjuarai Kategori Kakitangan melalui gambar 'Back Light'.

Peraduan tersebut diteruskan lagi bulan Februari dengan tema 'Di Sebalik Acara Sambutan Hari Kebangsaan Ke-26 Tahun 2010 dan penyertaannya dibukakan sehingga 15 Mac .



'Kawan Rapat' oleh Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Tengah yang memenangi Kategori Jurugambar.

### Selamat Hari Lahir

Awang Abdullah bin Sabang	1 Januari
Awang Sharin bin Mohd. Noor	2 Januari
Awang Haji Matjair bin Haji Matahir	3 Januari
Awang Haji Mohd. Sahrin bin Haji Dosaman	5 Januari
Dk. Nur-Effa Ryina binti Pengiran Haji Hamdani	7 Januari
Awang Muhammad Halime bin Tajuddin	10 Januari
Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan Hussain	11 Januari
Awang Haji Masmaleh bin Haji Mohd. Ali	14 Januari
Dayang Salina binti Haji Abdul Wahab	15 Januari
Dayang Hajah Mariam binti Haji Abdul Rahman	17 Januari
Awang Othman bin Haji Tengah	20 Januari
Awang Aliddin bin Haji Moktal	27 Januari
Awang Abdul Aziz bin Haji Ibrahim	27 Januari
Dayang Siti Muslihat binti Haji Salleh	27 Januari
Dayang Latifah binti Haji Mokti	27 Januari
Awang Roslan bin Haji Mohd. Jaidi @ Zaidi	28 Januari
Awang Omarali bin Zakaria	30 Januari